



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEMERIKSA HARGA KANAN (C.1-2 EB.3)
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEMERIKSA HARGA KANAN

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik sebagai Pemeriksa Harga atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
3. Berkemahiran dalam menggunakan komputer yang berkaitan dengan Infokomunikasi.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya;
2. Menyediakan laporan pemeriksaan secara mingguan yang diterima daripada Pemeriksa Harga hasil dari pemeriksaan rutin harian;



3. Menyediakan mana-mana laporan yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya;
4. Membuat kerja-kerja berkaitan dengan penetapan harga maksimum bagi barang yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142;
5. Melaksanakan kerja-kerja pemantauan harga barang asasi utama tertentu;
6. Penetapan harga maksimum secara bermusim bagi barang makanan asasi utama termasuk meneliti dan memastikan maklumat data harga yang telah dikumpul adalah teratur;
7. Penyediaan jadual pemeriksaan ke premis-premis perniagaan;
8. Menangani aduan pengguna dengan membuat penyiasatan dan menyelaras dengan pihak-pihak yang tersebut bagi mandat di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011; dan
9. Melaksanakan dan menerima tugasan atau arahan daripada pegawai atasan dari semasa ke semasa.